

23 JAN 2002

Pairin-BN (bergambar)/I

PBS MASUK SEMULA BN : PAIRIN BERTERIMA KASIH KEPADA DR MAHATHIR, ABDULLAH

KOTA KINABALU, 23 Jan (Bernama) -- Presiden Parti Bersatu Sabah (PBS) Datuk Joseph Pairin Kitingan mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Barisan Nasional (BN) kerana menerima semula parti itu tanpa sebarang syarat.

"Bagi pihak PBS dan semua anggota dan penyokongnya, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada BN khususnya Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku pengerusi BN, kerana memberikan pertimbangan positif dan meluluskan permohonan kami," katanya.

Beliau juga berterima kasih kepada Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kerana peranannya sehingga membuka jalan kepada kemasukan semula PBS dalam BN dan juga kepada semua yang bekerja di belakang tabir untuk melicinkan proses itu.

Ketika bercakap kepada pemberita sebaik saja menerima berita mengenai keputusan Majlis Tertinggi BN yang bermesyuarat di Kuala Lumpur hari ini untuk menerima semula PBS, Pairin berkata beliau turut berterima kasih kepada Dr Mahathir "kerana dalam proses ini, telah memaafkan saya."

"Keputusan menerima semula PBS dalam BN akan menjadi titik permulaan kepada hubungan lebih baik di dalam Malaysia dan di dalam Sabah," katanya.

Pairin berkata: "Masanya sudah tiba bagi kita berganding bahu dan sama-sama memberi tumpuan bukan saja kepada pembangunan infrastruktur di Sabah tetapi juga untuk menyelesaikan masalah kemiskinan penduduk luar bandar dan masalah sosial lain berkaitan pengagihan kekayaan dan pendapatan yang tidak sama rata."

Katanya anggota-anggota PBS akan berusaha bersungguh-sungguh dalam membuktikan komitmen patriotik mereka sebagai rakyat Malaysia dan sebagai pemimpin dalam sebuah parti yang menganggotai BN.

Ketika ditanya mengenai tindakan parti itu meninggalkan BN secara mengejut di saat-saat akhir menjelang pilihan raya umum 1990 dan kemungkinan ia akan berulang, Pairin berkata perkara itu sudah menjadi sejarah.

"Saya tidak berhasrat untuk mengulangi (peristiwa membawa PBS keluar daripada BN pada 1990). Kalau mahu mengulanginya, tentulah sekarang ini tidak perlulah PBS memohon untuk masuk (semula ke dalam BN)," katanya.

Beliau juga meminta sesiapa saja yang masih ragu-ragu tentang hasrat PBS untuk kembali semula ke BN supaya memahami kejujuran parti itu.

Kepada soalan sama ada kemasukan semula PBS dalam BN itu bermakna kaedah untuk mengawasi keadaan politik di Sabah akan terhakis, Pairin berkata beliau berpendapat itu tidak akan berlaku.

"Kita memang akan meneruskan peranan sebagai parti yang bertanggungjawab. Ini kita boleh lakukan kerana kita telah melihat bahawa dalam BN, parti komponen juga mengeluarkan pendapat mereka.

"Tambahan pula di Malaysia parti pembangkang masih wujud, jadi tidaklah berlaku situasi seolah-olah tidak ada lagi suara daripada pembangkang. Jadi sistem 'check and balance' sebenarnya masih ada," katanya.

PBS mempunyai lapan anggota Dewan Undangan Negeri Sabah, dan dengan kemasukan semula parti itu dalam BN, dewan itu kini dikuasai 100 peratus oleh anggota dari BN.

Mengenai tindakan parti tu seterusnya, Pairin berkata : "Untuk meneruskan perjuangan kita dan bekerjasama dalam konteks perkongsian dan bukannya dalam konteks sebagai parti pembangkang."

-- BERNAMA

JS MAI